

Jumaat, Jun 21 2019



MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng hadir pada Majlis Pelancaran TIF, di Kuching, hari ini. - Foto L Manimaran

KUCHING : Bakat anak muda dalam bidang keusahawanan khususnya berkaitan pelancongan tidak wajar dipersia-siakan kerana sumbangan mereka mampu melonjakkan sektor itu yang juga penyumbang kedua terbesar ekonomi negara.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, beliau yakin ramai anak muda negara ini memiliki kemampuan dan kebolehan, namun mereka tidak mempunyai dana untuk memulakan perniagaan.

Justeru, katanya, kementerian itu menyediakan dana berjumlah RM1 bilion sebagai kemudahan pembiayaan pinjaman untuk usahawan yang berhasrat untuk menerokai peluang baharu khusus dalam sektor pelancongan.

“Kerajaan menjalin kerjasama bersama Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) untuk menyediakan Tabung Infrastruktur Pelancongan (TIF) berjumlah RM1 bilion.

“Menerusi tabung itu, saya percaya sektor pelancongan dapat diperkasakan hasil penyertaan usahawan-usahawan yang mendapat pembiayaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran TIF, di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi; Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen serta Presiden dan Ketua Pegawai

Eksekutif BPMB, Arshad Mohamed Ismail.

Guan Eng berkata, menerusi pinjaman TIF, kadar faedah pinjaman yang diberikan dari empat peratus hingga 5.5 peratus setahun.

“Sektor pelancongan menjadi satu fokus utama kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

“Kita berharap dana TIF ini memberi suntikan kepada penggiat industri untuk membangunkan lagi sektor pelancongan negara,” katanya.

Kemudahan pinjaman TIF meliputi pembiayaan pembelian tanah, pembinaan bangunan, pembelian mesin peralatan dan aset lain berkaitan aktiviti pelancongan.

Ini bagi membantu usahawan industri pelancongan yang berhasrat membangunkan infrastruktur pelancongan seperti perhotelan, pusat konvensyen, taman tema, perubatan dan agropelancongan